

# Ujian Staffield

## Lapangan 27 lubang cabar skil pemain



>>Oleh Sufian Thauri Muhammed  
sufianthauri@hmetro.com.my

**C**ABARAN merentasi kolam selebar hampir 150 meter antara ujian getir yang menanti pemain di Staffield Country Resort, Mantin, Negeri Sembilan.

Terletak di lubang lapan par 3 southern, bukan skil pemain saja diuji tapi ketahanan mental untuk melepassi kolam itu juga akan menentukan sama ada mereka mampu menawan lubang itu atau tidak.

Namun, tidak dinafikan bahawa agak ramai juga yang

terkandas di lubang yang dianggap sebagai paling menarik di lapangan itu dan terpaksa membuat pukulan ketiga di kawasan 'drop zone'.

"Melihat keluasan kolam itu saja sudah memberikan tekanan kepada pemain untuk melepasinya. Tapi, itu antara keseronokan yang kami tawarkan di Staffield," kata pengurusnya, Faiezal Kamal.

Staffield lapangan yang mempunyai 27 lubang dengan setiap sembilan lubangnya dibahagikan kepada tiga bahagian - western, southern dan northern.

Mula dibuka secara rasmi pada 1994, Staffield melalui banyak proses pengubahsuaian yang menjadikannya lebih mencabar keupayaan pemain.

Antaranya lubang satu par 5 southern sepanjang 485m (dari kotak biru) yang

mempunyai sebatang pokok hujan-hujan besar menutupi hampir 50 peratus ruang untuk mendaratkan bola ke green.

Lubang kedua par 4 northern sejauh 375m pula memerlukan pemain membuat pukulan tee ke sebelah kanan fairway untuk mengelakkan kolam dan bunker yang menanti di sebelah kiri.

Dari sana, pemain perlu melepassi parit untuk ke green yang diapit kolam di sebelah kanannya.

Pengurusan Staffield membenarkan penggunaan buggy di fairway dan keadaan itu antara punca menjadikannya lapangan pilihan di kalangan pemain senior.

Reka bentuk lapangan ini hasil cetusan idea pereka terkenal, Graham Marsh dan Ross Watson manakala rekod catatan terbaik untuk

18 lubang ialah 66 pukulan oleh pemain Korea Selatan, Anthony Kang pada Kejohanan Terbuka Kuala Lumpur 1996.

Menurut Faiezal, Staffield menerima kunjungan kira-kira 6,000 pemain sebulan dan bagi memberikan lebih keseronokan, pihaknya merancang memperbaiki permukaan green tahun ini.

### Staffield Country Resort

Batu 13, Jalan Seremban-Kuala Lumpur,  
71700, Mantin,  
Negeri Sembilan.

### Yuran Green

- Isnin RM68
- Selasa - Jumaat RM90
- Sabtu pagi/petang RM180/RM150
- Ahad pagi/petang RM180/RM120



**TEKANAN...** ketahanan mental diperlukan untuk melepassi kolam di lubang lapan par 3 southern. (**Gambar atas**) Bunker yang luas antara cabaran menanti pemain.